

Suqiu perlu hormati ingatan PM

54 - 3 SEP 2000

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Ravuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Siqui) perlu menghormati ingatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa tindakan mereka yang memperjuangkan 17 tuntutan hampir sama dengan komunis.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata ingatan Perdana Menteri itu amat wajar direnung bersama demi kebaikan serta mewujudkan kestabilan dalam masyarakat majmuk di negara ini.

Katanya, setiap kaum mempunyai budaya sensitif yang tidak seharusnya disentuh dengan begitu mudah oleh pihak lain.

“Harapan saya semua pihak harus mengambil perhatian berat seperti apa yang diucapkan oleh Dr Mahathir.” katanya pada sidang akhbar selepas melawat gerai Expo Cintai Malaysia 2000, di Pusat Pameran The Mines Seri Kembangan, dekat sini, semalam.

Beliau ditanya mengenai ucapan perutusan Perdana Menteri sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke43, Khamis lalu yang antara lain menyentuh bahawa pendekatan Suqiu yang mengetengahkan 17 tuntutan menyamai komunis.

Dr Mahathir berkata, tindakan kumpulan terbabit cuba menyakitkan hati orang tertentu agar perasaan perkauman dapat dihidupkan semula.

Isu Suqiu tercetus apabila mereka memperbaharui semula 17 tuntutan pilihan raya umum lalu, termasuk memansuhkan perbezaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam semua bidang.

Mengulas lebih lanjut, Dr Ling berkata, bagi mengelakkan perkara itu berulang semua pihak jangan membuat kenyataan sebelum meneliti dan menghalusi sesuatu perkara.

“Mungkin ada perkara yang sesuai untuk dibahas dengan tempat dan kumpulan sasaran yang sesuai, tapi (dibahas) untuk mencari resolusi, itu okay. Bukannya (buat kenyataan) secara umum saja,” katanya.

Mengenai tindakan Pengerusi Suqiu, Quek Suan Hiang yang mahu menemui Perdana Menteri bagi memperjelaskan keadaan sebenar berhubung isu itu, Dr Ling berkata: “Ini adalah sesuatu yang baik untuk berjumpa, tapi terpujang kepada Perdana Menteri sama ada beliau ada masa untuk berjumpa mereka.”

Dalam perkembangan lain, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata kementerian belum menyiapkan lagi laporan untuk dibentangkan kepada Kabinet mengenai cadangan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) menaikkan tambang bagi penerbangan domestik.

Pihak kementerian kata beliau tidak akan tergesa-gesa dalam perkara itu.